

TEKS UCAPAN BRIG JEN DATO' PROF. DR. KAMARUDIN
HUSSIN, NAIB CANSELOR UniMAP SEMPENA CERAMAH
PROF ADJUNG
DI DEWAN KG WAI, KUALA PERLIS
PADA 3 JULAI 2009

Bismillah Hirrahman Nirrahim

Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr Haji Ismail Alias,

Yang Berbahagia Prof. Dr. Zul Azhar Zahid Jamal, Timbalan
Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UniMAP,

Pegawai-Pegawai Utama UniMAP, Dekan-Dekan Dan Ketua-
Ketua Jabatan,

Warga kerja Universiti Malaysia Perlis seterusnya Pelajar-
pelajar yang dihormati dan dikasihi sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan
Salam Sejahtera. Selamat Pagi, Good Morning, Kalai
Vannakam, Cao Shang Hao, Saba Hunhair.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Allah Subbahanu Wa Taala di atas limpah kurnia serta rezeki yang dicurahkan, kasih dan sayang-Nya mengizinkan kita semua dapat bersama-sama pada hari ini untuk mendengar sesi syarahan umum yang akan disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' Dr. Haji Ismail Alias.

Dikesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk merakamkan ucapan penghargaan dan terima kasih kepada Y. Bhg. Dato' kerana sudi meluangkan masa hadir untuk bersama-sama meraikan kehadiran mahasiswa dan mahasiswi baru UniMAP sesi 2009/2010 ini.

Semoga pertemuan ini akan dapat menyimpul satu azam dan tekad baru dalam hati sanubari para mahasiswa sekalian atas amanat yang akan disampaikan oleh Y. Bhg. Dato' nanti.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Sekadar untuk menyalurkan maklumat, sukacita saya maklumkan pada 28 Julai 2009 lepas, UniMAP telah menerima sebanyak 1,506 pelajar baru yang telah mendaftar untuk 21 program Ijazah Sarjana Muda dan enam program Diploma bagi Sidang Akademik 2009/2010.

Malah pada sesi pengambilan kali ini juga, buat pertama kalinya UniMAP menerima pelajar-pelajar antarabangsa yang datang daripada beberapa buah negara seperti Cina, Indonesia, Yemen dan Sudan.

Untuk makluman, pada semester lepas, seramai 31 pelajar dari Xinjiang China telah datang untuk menghadiri Kursus Intensif Bahasa Inggeris di UniMAP dan untuk kemasukan 2009/2010 ini, mereka (26 pelajar China) telah kembali untuk menyambung pengajian ke peringkat Ijazah di UniMAP dan seorang daripada mereka telahpun menjadi kakitangan UniMAP.

Selain itu, UniMAP juga akan menerima kemasukan 39 pelajar dari Yemen, seorang dari Sudan dan 6 orang dari Indonesia bagi menyambung pengajian dalam Ijazah Sarjana Muda dan ini menjadikan jumlah pelajar antarabangsa

Kehadiran pelajar-pelajar antarabangsa ini secara tidak langsung membuktikan UniMAP telah maju selangkah lagi dalam mendokong aspirasi Kementerian Pengajian Tinggi untuk mewujudkan persekitaran Antarabangsa di kampus.

Melalui kemasukan pelajar antarabangsa ini juga, saya amat berharap ia mampu menjadi suntikan semangat untuk mahasiswa/mahasiswa tempatan bersaing di arena akademik dalam membuktikan kecemerlangan diri masing-masing.

Hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian,

Tahun 2009 ini juga turut membuka lembaran baru apabila pelan landskap akademik UniMAP yang sentiasa dinamik telah berkembang dengan adanya penawaran beberapa program pengajian baru yang bukan dari kategori kejuruteraan iaitu Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Perniagaan Antarabangsa dan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Keusahawanan Kejuruteraan.

Dan buat pertama kalinya juga, Pusat kemahiran komunikasi dan Keusahawanan yang sebelum ini hanya berfungsi sebagai sebuah pusat sokongan melalui penawaran subjek-subjek wajib universiti, kini telah mengorak langkah dengan mengambil pelajar-pelajar sulungnya menerusi dua program pengajian baru ini.

Penawaran dua program baru ini adalah selaras dengan hasrat untuk membuka peluang kepada pelajar yang tidak mengambil jurusan sains tulen dan teknikal untuk turut serta dalam kampus alam UniMAP ini.

Sesungguhnya, kita penuh yakin dengan jumlah calon yang telah mendaftar untuk kursus baru ini iaitu 113 pelajar bagi Program Pengajian Perniagaan Antarabangsa dan 112 bagi Pengajian Keusahawanan Kejuruteraan, jelas menunjukkan bahawa tahap pemikiran pelajar semakin matang dengan menjadikan bidang pengajian berkaitan perindustrian dan pengeluaran sebagai pilihan untuk menjamin kerjaya masa depan.

Kita juga sedar kecenderungan pemilihan pelajar baru ke universiti teknikal tahun ini menunjukkan mereka mengambil kira keperluan terhadap pekerjaan serta kecekapan yang boleh menyumbang kepada pembangunan negara.

Selain program pengajian perniagaan antarabangsa dan keusahawanan, UniMAP pada tahun ini melalui Pusat Pengajian Komputer dan Perhubungan turut menawarkan satu program baru iaitu Kejuruteraan Rangkaian Komputer.

Hadirin yang dihormati sekalian

Dengan adanya dua program keusahawanan baru ini juga adalah sebagai menyahut cabaran kerajaan dalam membangunkan sektor keusahawanan di kalangan mahasiswa-mahasiswa.

Ini kerana elemen keusahawanan dikenal pasti sebagai salah satu faktor penting yang perlu diterapkan kepada setiap pelajar khususnya di Institusi Pengajian Tinggi bagi menangani permasalahan siswazah menganggur dan kebergantungan siswazah kepada sektor makan gaji semata-mata agar mereka dapat mencipta peluang daripada sesuatu yang hampir tidak terfikir oleh orang lain.

Kita tidak boleh hanya mengharapkan minat dalam kalangan masyarakat terhadap bidang ini datang dengan sendirinya tetapi ianya perlulah disertakan dengan dorongan dan sokongan sebagai perangsang dan juga pembakar semangat untuk terus maju dan berjaya dalam bidang ini.

Hadirin dan hadirat sekalian,

Tahun ini juga kita ingin mengorak langkah dengan lebih yakin untuk menjadi sebuah universiti yang dinamik, melahirkan graduan-graduan yang dinamik, menghasilkan produk-produk yang dinamik dan membangunkan nilai insan yang dinamik, sesuai dan seiring dengan motto kita pada tahun ini “Dinamisme Baru Wajah Baru.”

Semoga dengan kehadiran Yang Berbahagia Dato’ Dr. Haji Ismail Alias pada hari yang mulia ini juga diharap dapat memberikan sumbangan idea dan suntikan semangat di bawah tajuk “Membentuk Mahasiswa Dinamik”.

Kepada siswa dan siswi yang berada di dalam dewan ini, saya menyeru agar dapat memahami, mentafsir dan berani menyahut seruan dan cabaran untuk menjadi seorang mahasiswa yang bukan sahaja kompeten dan dinamik dalam bidang akademik tetapi juga memiliki sahsiah dan nilai-nilai murni dan jati diri yang unggul dalam mengharungi arus globalisasi kini.

Teletikanlah syarahan yang akan disampaikan dan lahirkanlah dalam amalan sepanjang menjalani kehidupan sebagai mahasiswa. Tolong-tolong sampaikan mesej ini kepada rakan-rakan yang tidak dapat hadir bersama.

Usaha meletakkan UniMAP sebagai sebuah universiti yang terbaik dan dinamik bukan sahaja terletak di bahu pasa pendidik dan staf UniMAP, tetapi para pelajar sekalian juga turut berperanan untuk meletakkan UniMAP pada landasan yang dinamik.

Sekali lagi saya merakamkan ucapan setinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Dato' Dr Haji Ismail Alias atas keprihatinan dan komitmen beliau untuk hadir memberi semangat, dorongan dan perangsang kepada pelajar-pelajar UniMAP untuk mengumpul dan mendalami sebanyak mungkin ilmu di UniMAP ini.

Sekian, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh